

15 NOV 1998

APEC-BERITA-PENDAPAT/I

PM MUNGKIN BANGKITKAN KEBIMBANGAN TERHADAP PENDAPAT TIDAK ADIL KE ATAS M'SIA

Oleh: E. Sivabalan

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau akan meluahkan kebimbangannya di sidang kemuncak tidak rasmi Apec berhubung sikap sesetengah orang yang membuat keputusan dan memberi pandangan terhadap keadaan ekonomi dan politik di Malaysia tanpa membuat penyiasatan sepenuhnya.

Perdana Menteri berkata beliau mungkin membangkitkan perkara itu dalam mesyuarat ketua-ketua Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di sini minggu depan jika ada pihak yang mahu menyuarakan isu berkaitan hal ehwal dalaman Malaysia.

Dr Mahathir berkata, pihak-pihak terbabit hanya bergantung kepada laporan media "yang kebanyakannya melaporkan perkara yang tidak tepat".

Dr Mahathir berkata demikian apabila ditanya mengenai kenyataan Perdana Menteri Australia John Howard baru-baru ini bahawa beliau mahu membangkitkan dalam mesyuarat ketua-ketua berhubung cara layanan terhadap bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika ditahan.

Apabila ditanya sama ada bersesuaian bagi dua menteri Kanada bertemu dengan isteri Anwar Datin Seri Dr Wan Azizah semalam, Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu ia bersesuaian atau tidak.

"Saya tidak mempunyai kaedah untuk menentukan standard bagi perkara seperti ini."

"Orang lain menetapkan standard bagi kita dan kita sepatutnya mematuhi."

"Tetapi jika orang lain fikir campur tangan dalam hal ehwal orang lain adalah sah, mereka dialu-alukan untuk berbuat demikian," katanya.

Menteri Luar Kanada Lloyd Axworthy dan Menteri Perdagangan Sergio Marchi bertemu dengan Dr Wan Azizah dalam satu majlis makan tengah hari.

Mengenai keputusan Perdana Menteri Kanada Jean Chretien untuk membatalkan mesyuarat dua hala dengan Dr Mahathir, beliau berkata mesyuarat dua hala bukanlah sebahagian daripada proses Apec.

Dilaporkan bahawa Chretien yang dijangka tiba di sini esok dari Singapura akan menemui Azizah dalam acara sampingan sidang kemuncak Apec.

Ketua-ketua Apec termasuklah Presiden Filipina Joseph Estrada yang sebelum ini dikatakan mungkin menemui Anwar atau Azizah memutuskan membatalkannya kerana jadual mereka yang sibuk bagi sidang kemuncak Apec.

Apabila pemberita asing bertanya kepada Dr Mahathir sama ada beliau akan mengadakan rundingan dua hala dengan Chretien ketika sidang kemuncak Apec, Dr Mahathir memberikan jawapan tidak.

Apabila ditanya mengenai reaksinya kepada kebimbangan Chretien terhadap isu hak asasi manusia di Malaysia, Dr Mahathir berkata : "Saya mengambil berat mengenai hak asasi manusia seluruh dunia, termasuk di Kanada."

Apabila ditanya berkaitan apa beliau bimbangkan berhubung hak asasi manusia di Kanada, Perdana Menteri berkata: "Menimbangkan bahawa ia adalah milik kepada Red Indian, saya tidak melihat mereka mewakili Apec."

-- BERNAMA

ES AAM ZK MA